

'Beri peluang kepada PH'

m/s: 3

PH - 19/3/2019

(FOTO BERNAMA)

➔ Kerajaan baharu perlu lebih masa perbaiki negara amal kleptokrasi 61 tahun: TPM

Paris

Rakyat mesti bersabar dan memberi peluang kepada kerajaan Pakatan Harapan (PH) menyelesaikan pelbagai masalah berpunca daripada pentadbiran kerajaan terdahulu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata kerajaan mungkin memerlukan satu atau tiga tahun, malah mungkin lebih dari itu untuk memperbaiki negara yang telah berada bawah amalan kleptokrasi selama 61 tahun.

"Untuk memperbaiki sesuatu yang sudah lama bukan mudah, tiada tongkat sakti, tidak ada butang automatik yang anda boleh tekan (untuk selesaikan segala-galanya). Ia tidak berfungsi seperti itu. Ia memerlukan kerja keras dan air mata dan harus diusahakan oleh semua rakyat Malaysia.

"Kita mesti bekerja keras untuk memperbaiki keadaan yang runcing dan proses ini mungkin mengambil masa lama lagi," ka-



Dr Wan Azizah berucap mempengerusikan IGC MOST di Ibu Pejabat Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), semalam.

tanya ketika berucap pada Majlis Diaspora Bersama Rakyat Malaysia di Perancis di sini semalam.

Dr Wan Azizah dalam rangka lawatan kerja empat hari ke negara ini dengan agenda utama bagi mempengerusikan Mesyuarat Biro Pengurusan Transformasi Sosial (MOST), Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Sainstifik Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNESCO) dan Sesi Ke-14 Majlis Antara Kerajaan bagi MOST.

Pada majlis yang dihadiri komuniti dan pelajar Malaysia yang berada di Perancis itu, Timbalan Perdana Menteri ber-

kata, perpaduan rakyat ialah elemen penting dalam negara mengorak langkah ke arah Malaysia baharu.

Tidak harus berprasangka buruk terhadap kaum lain

Sebagai negara majmuk, katanya, tidak harus ada mana-mana kaum berasa iri hati dan berprasangka buruk terhadap kaum lain.

"Kita melihat New Zealand satu negara yang begitu stabil, sejahtera dan begitu aman, tetapi dikejutkan dengan *white-supremacy* (mengagungkan bangsa kulit putih) yang menyerang orang yang sedang ber-

solat, tidak bersenjata.

"Kita tidak boleh membenarkan antara kita berasa iri hati, marah dan benci sesama sendiri sebagai rakyat Malaysia," katanya.

Dalam pada itu, Dr Wan Azizah turut mengajak komuniti dan pelajar Malaysia yang berada di Perancis untuk pulang ke tanah air bagi membantu membangunkan negara menerusi kepakaran dan pengetahuan masing-masing.

"Kita memerlukan semua diaspora Malaysia dari seluruh dunia untuk membantu membina Malaysia baharu," katanya.

BERNAMA